

INSTITUT  
TEKNOLOGI  
MARA

MARA INSTITUTE OF TECHNOLOGY  
02600 Arau, Perlis

PERLIS BRANCH

Telefon : 04-9801001-2,3

Faksimili : 04-9861233

Tarikh:

# RANCANGAN PERNIAGAAN ETR 300

## SENSTECH ENTERPRISE

DISEDIAKAN UNTUK :

ENCIK AMRAN BIN AWANG  
ITM CAWANGAN PERLIS

DISEDIAKAN OLEH :

MOHD ZUHAI HASHIM  
NAZHISHAM AWANG  
SABARIAH OTHMAN  
ROZALINA MOKHTAR @ OMAR  
NOR FATIMAH EMBONG

### DIPLOMA IN BUSINESS STUDIES

24 FEBRUARI 1998


# ISI KANDUNGAN

## BUTIR

SURAT PENYERAHAN	1-2
PENGHARGAAN	3-4
SURAT IKATAN PERJANJIAN	5-9
LOGO	10-12
PENGENALAN	13-14
TUJUAN RANCANGAN PERNIAGAAN	15-16
LATAR BELAKANG PERNIAGAAN	17-23
LATAR BELAKANG RAKAN KONGSI	24-28
RANCANGAN PENTADBIRAN	29-44
RANCANGAN PEMASARAN	45-69
RANCANGAN OPERASI	70-86
RANCANGAN KEWANGAN	87-117
RUMUSAN	118
LAMPIRAN	119-134

## **SINOPSIS**

- Nama Perniagaan : Senstech Enterprise
- Kegiatan utama : Mengeluarkan produk bumbung  
(melalui kitaran semula kertas)
- Jenis Perniagaan : Perniagaan perkongsian
- Lokasi : Lot 2011, Daerah Kubang Pasu, Kedah Darul Aman.  
Lokasinya strategik untuk beroperasi memandangkan  
Daerah Kubang Pasu itu sedang berkembang maju dan ia  
berhampiran dengan lebuh raya Utara Selatan.
- Pasaran : Adalah tertumpu kepada hardware-hardware di dalam  
Daerah Kubang Pasu dan Kota Setar.
- Pengurusan : Diuruskan sendiri oleh ahli-ahli kongsi
- Modal : Pinjaman : RM 600000  
Sumbangan ahli : RM 500000
- Kegunaan Modal : Semuanya digunakan sepenuhnya untuk penubuhan  
Perniagaan.
- Disediakan oleh : Zuhaidi Hashim  
Nazhisham Awang  
Sabariah Othman  
Rozalina Mokhtar @ Omar  
Nor Fatimah Embong



## **PENGENALAN**

Senstech Enterprise akan ditubuhkan di Lot 2011, Kawasan Perusahaan Napoh, Daerah Kubang Pasu, Kedah Darul Aman. Membuat dan mengeluarkan produk bumbung merupakan aktiviti utama yang akan dijalankan oleh Senstech Enterprise.

Perusahaan bumbung merupakan salah satu industri yang memerlukan modal yang besar, sepertimana pengusaha – pengusaha lain, ia juga mengalami keadaan naik turun dari segi potensinya. Walaubagaimanapun, bermula pada awal tahun 90-an, perusahaan bumbung mula berkembang dan menjanjikan masa depan yang cerah berikutan daripada permintaan yang semakin meningkat berbanding di awal tahun 80-an. Ini kerana bertambahnya kawasan perumahan dalam sektor pembangunan. Pembaharuan dan permodenan yang akan dilakukan terhadap perusahaan ini akan dilakukan tanpa menjejaskan keseniannya agar mendapat tempat yang menggalakkan dipasaran tempatan dan juga luar negeri.

Secara umumnya, Senstech Enterprise akan menjalankan perusahaan membuat dan mengeluarkan produk bumbung. Penubuhan Senstech enterprise adalah berdasarkan beberapa faktor berikut :

**a) *Sebagai Menyahut Seruan Kerajaan***

Penubuhan Senstech Enterprise bertujuan menyahut seruan kerajaan menggalakkan Usahawan Bumiputera menceburi bidang perniagaan.

**b) *Dapat Mengurangkan Penggunaan Sumber Semulajadi***

Ini adalah kerana produk bumbung kami ini diproses daripada kertas yang dikitar semula. Jadi secara tidak langsung dapat mengelakkan daripada berlakunya pembaziran dan pengolah sumber yang berleluasa. Maksudnya di sini ialah kertas itu dapat digunakan semula dan tidak perlu dibeli yang baru atau pun terpaksa menebang pokok – pokok untuk diproses bagi menjadikan kertas. Dengan ini dapatlah mengurangkan pengolahan sumber asli secara berleluasa.

c) ***Dapat Mengurangkan Kos***

Seperti mana yang diketahui kertas yang dikitar semula adalah lebih murah jika dibandingkan dengan kertas yang baru. Dari situ, dapatlah Syarikat Senstech ini mengurangkan kos.

d) ***Mengisi Peluang Daripada Industri Perusahaan/Pembinaan***

Bertepatan dengan usaha kerajaan memajukan industri kawasan perumahan dan pembangunan negara yang akan berlangsung menjelang tahun 2000 akan datang, maka kami menggunakan peluang ini untuk memajukan perusahaan ini. Diharapkan perniagaan kami akan dapat berkembang seiring dengan perkembangan industri perusahaan / pembinaan.

